

24 JANUARI 2018

Sorok pil yaba, erimin 5 dalam kotak rokok

Sorok pil yaba, erimin 5 dalam kotak rokok

KOTA BHARU - Tindakan seorang pelajar institusi pengajian tinggi menyorokkan 240 biji pil yaba dan erimin 5 di dalam kotak rokok terbongkar selepas dia ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Pinggiran Atira di Kok Lanas di sini Ahad lalu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.45 malam, suspek berusia 23 tahun itu ditahan sepasukan polis semasa sedang meletakkan kereta jenis Proton Saga di hadapan rumah tersebut.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Ismail Mat Sidik berkata, polis menemui sebanyak 200 biji pil kemerahan disyaki pil kuda dalam poket seluar pelajar itu.

"Pemeriksaan turut menemui 40 biji pil berwarna merah disyaki pil erimin 5 yang dibalut dalam kertas foil warna," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambahnya, suspek ditahan reman selama empat hari bermula kelmarin mengikut Seksyen 39A (1) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.